



YPDR. 08/4/5 (98)
18hb. Julai 2014

KENYATAAN MEDIA

OLEH

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT

Dimaklumkan bahawa saya selaku Yang di-Pertua Dewan Rakyat telah menerima **Surat Pemakluman Memanggil Mesyuarat Khas Dewan Rakyat** yang ditandatangani YAB Perdana Menteri pada hari ini, memaklumkan bahawa pihak Kerajaan memerlukan Dewan Rakyat bersidang pada hari **Rabu, 23 Julai 2014** mulai jam **10.00 pagi** untuk membahaskan usul mengenai **Tragedi Nahas Pesawat MAS, MH17** yang berlaku pada 17 Julai 2014.

2. Perkara ini adalah selaras dengan **Peraturan 11 (3)** Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.
3. Sehubungan itu, Setiausaha Dewan Rakyat, YBhg. Datuk Roosme Hamzah telah menyusul dengan mengeluarkan **Pemberitahuan Panggilan Mesyuarat** kepada semua Ahli-Ahli Dewan mulai hari ini juga.

Sekian, terima kasih.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Angi'.

(TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA PANDIKAR AMIN HAJI MULIA)